

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU
NAIDU [BATU GAJAH]**

TARIKH : 10 OKTOBER 2019 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan pembaharuan-pembaharuan yang telah dibuat oleh Kerajaan baharu dalam hal pengurusan Dana Pembangunan Sumber Manusia (HRDF). Nyatakan secara terperinci mengenai statistik kutipan dan perbelanjaan dana HRDF sejak tahun 2015.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Di bawah pentadbiran Kerajaan baharu, pembahagian levi Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia (KWPSM) dipecahkan kepada dua bahagian iaitu 70% untuk program latihan mengikut keperluan majikan dan 30% dana terkumpul bagi melaksanakan inisiatif strategik, telah dihentikan berkuatkuasa pada bulan November 2018.

2. Selain itu, semua Inisiatif Strategik Modal Insan (*Human Capital Strategic Initiatives*) di bawah KWPSM yang telah dilaksanakan sebelum ini melalui dana terkumpul telah dikaji semula dan ditambah baik dengan memberi fokus kepada program berimpak tinggi dengan kos yang berpatutan melalui mekanisme "*matching grant*".

SOALAN NO : 15

3. Bagi memastikan latihan yang dijalankan adalah mengikut keperluan industri, dua (2) *Industrial Skills Framework* bagi industri hotel dan peruncitan telah dibangunkan dan tiga lagi masih dalam proses pembangunan. Selain itu, KWPSM sedang membangunkan sebuah platform atas talian (*online*) iaitu *Learning and Training Hub* (LATiH) yang akan di lancarkan pada awal tahun 2020 bagi memudahkan transaksi latihan di antara penyedia latihan dan majikan.

4. Butiran maklumat kutipan levi dan penggunaan dana HRDF dari 2015 sehingga September 2019 adalah seperti berikut:

Tahun	2015	2016	2017	2018	2019 (1 Jan - 30 Sept)
Majikan berdaftar	16,569	17,535	21,928	26,281	28,651
Kutipan Levi (RM juta)	603.00	673.19	712.29	803.34	655.63
Tempat Latihan diluluskan	836,468	895,610	959,973	880,380	755,881
Bayaran Geran (RM juta)	456.55	562.32	612.03	691.15	388.81